

8 FEBRUARI 2010

Banduan Malaysia seludup dadah ambil bekalan dari Argentina

KUALALUMPUR: Banduan Malaysia yang dipenjara atas kesalahan menyeludup dadah di luar negara ketika ini, kebanyakannya dipercayai mengambil bekalan di Argentina dan Sepanyol sebelum menyeludup ke negara ketiga.

Sumber memberitahu *Berita Harian*, taktik itu dikesan hasil pertemuan wakil kedutaan dengan 'keldai dadah' terbabit di negara mereka ditahan, termasuk beberapa tahanan wanita yang sedang menjalani hukuman di Peru.

"Di Peru, kebanyakan tahanan mengaku mengambil bekalan di Argentina, bukannya dari Malaysia sebelum cuba menyeludup ke negara itu. Itu memang taktik mereka (sindiket) berikutan tindakan penguatkuasaan ketat di negara ini.

"Malah, penggunaan mesin pengimbas canggih di semua pintu keluar masuk negara, khususnya di lapangan terbang menyukarkan lagi kegiatan haram itu hingga memaksa sindiket mengubah strategi

mereka," katanya.

Beliau berkata, selain operasi penguatkuasaan dan penggunaan kelengkapan canggih itu, faktor kos dan logistik turut mendorong sindiket terbabit yang dipercayai didalangi warga Afrika, mengarahkan mangsa mereka mengambil bekalan di sesebuah negara persinggahan.

"Difahamkan, kos membawa dadah dari Argentina ke Peru lebih murah, malah hukuman dikenakan cuma sekadar penjara berbanding hukuman gantung sampai mati di Malaysia.

"Di Peru contohnya, hukuman maksimum ke atas penyeludup dadah hanya lapan tahun penjara. Justeru, tidak hairanlah mengapa sindiket dadah memilih negara seperti itu," katanya.

Sumber turut memberitahu sebahagian besar rakyat Malaysia menggunakan dokumen sah ketika keluar negara, dengan kebanyakannya atas alasan untuk melancong, bekerja atau melanjutkan pengajian.

"Biasanya, sindiket memberikan mereka tiket sehala, menggunakan penerbangan terus ke negara transit. Tiket pulang dan bayaran yang dijanjikan hanya diberikan bersama bungkusan (dadah) oleh 'orang tengah' untuk dihantar ke negara ketiga.

"Dalam kebanyakan kes sebelum ini, tahanan tidak mengetahui mereka membawa dadah kerana bungkusan dibungkus rapi, selain diugut supaya tidak membukanya dan hanya mengetahui kandungannya apabila ditahan," katanya.

Sumber memberitahu, walaupun kebanyakan tahanan mendakwa mereka diperdayakan, namun tidak dinafikan ada yang rela diperalatkan atas dasar cinta, selain terlalu mengejar kemewahan kerana dikaburi upah yang lumayan.

"Memang ada kes tahanan terpedaya dengan tawaran percutian percuma dan bekerja di luar negara. Namun, ada tahanan yang terjebak kerana bercinta dengan anggota sindiket, selain gelap mata dengan upah lumayan," katanya.